

26 NOV 1997

Dewan-Usul (Kedah)

DEWAN LULUS USUL KUTUK AMERIKA

ALOR SETAR, 26 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Kedah hari ini sebulat suara meluluskan usul mengutuk tindakan 34 anggota kongres Amerika Syarikat yang meminta Perdana Menteri meletakkan jawatan dan hasrat Amerika menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya 1996 terhadap Petronas.

Usul yang dibawa Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid itu dilulus selepas dibahaskan oleh lima anggota dewan termasuk Presiden PAS Fadzil Noor.

PAS yang mempunyai dua wakil dalam dewan menyatakan sokongan penuh terhadap usul yang mengandungi dua perkara itu.

Usul itu mengutuk tindakan anggota kongres Amerika meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan atau meminta maaf terhadap kenyataannya yang didakwa anti-Yahudi dan mengkritik penggunaan Akta berkenaan terhadap Petronas kerana penglibatannya dalam urusan projek gas di Iran bersama syarikat Total SA, Perancis dan Gazprom, Rusia.

Sanusi dalam ucapannya berkata tindakan anggota-anggota kongres itu merupakan satu penghinaan terhadap negara dan bangsa.

"Apakah hak mereka untuk bawa usul supaya pemimpin yang dipilih oleh rakyat negara ini meletak jawatan.

"Mereka (anggota kongres) ingin gambarkan bahawa kita tidak boleh bersuara mengkritik sesiapa, sedangkan mereka boleh... bila kita membuat teguran mereka mendesak kita meminta maaf," kata Sanusi.

Mengenai Petronas, Sanusi berkata Amerika Syarikat cuba mengheret negara lain untuk turut bersengketa dengan Iran.

"Kita yang tidak berkelahi dengan Iran dilarang berniaga dengan negara itu hanya semata-mata mereka berkelahi dengan Iran," katanya.

Anggota dari kawasan Bukit Raya, Fadzil Noor berkata PAS sememangnya telah lebih awal mengambil pendirian tegas dengan menyatakan bahawa Dr Mahathir tidak perlu tunduk dengan tekanan anggota-anggota kongres itu sebelum usul berhubung sokongan terhadap Dr Mahathir dibawa ke Dewan Rakyat pada 19 Nov lepas.

Beliau berkata perkara itu melibatkan maruah rakyat, Perdana Menteri dan negara. "Perdana Menteri diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah sehingga tahun 2000 (sehingga pilihan raya akan datang).

"Pas menentang sebarang usaha negara lain untuk campurtangan dalam urusan negara ini," kata Fadzil.

Wakil MIC Dr Joe Fernandez (Lunas) dan wakil MCA Datuk Yong Pau Chak (Kulim), serta dua wakil Umno Hamlan Haji Din (Belantek) dan Badri Yunus (Tanjung Dawai) turut membahaskan usul berkenaan dan membidas tindakan Amerika itu. -- BERNAMA

MZM RON